

28 DEC 2002
SC-MODAL/I
SEMAKAN SEMULA GARIS PANDUAN PASARAN MODAL

PUTRAJAYA, 28 Dis (Bernama) -- Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC) Datuk Ali Abdul Kadir berkata beberapa semakan semula akan dibuat terhadap garis panduan berkaitan dengan pasaran modal tempatan.

Beliau berkata garis panduan yang telah disemak semula itu dijangka akan diumumkan setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.

"Bila saja ianya (semakan) telah dibincangkan dan diluluskan, Kementerian Kewangan dengan sukacita akan mengumumkannya," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Hari Raya yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Majlis tersebut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan, serta Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis.

Ali berkata beliau harap kecairan pasaran modal tempatan akan dipertingkatkan dengan adanya garis panduan yang telah disemak semula itu.

Ini dapat membentuk pasaran modal Malaysia sebagai pasaran modal yang terunggul di dunia.

Menyentuh mengenai prospek pasaran modal tempatan tahun hadapan, Ali berkata pasaran modal Malaysia sepatutnya cergas tahun hadapan.

Ini berdasarkan analisis yang telah dibuat oleh beberapa pembentang kertas kerja semasa persidangan mengenai pasaran modal di sini baru-baru ini yang menyatakan bahawa Korea Selatan, Malaysia dan Thailand merupakan negara-negara yang akan menonjol dari segi pembangunan pasaran modal tempatannya di rantau Asia. -- BERNAMA

NN MR NHD